Majlis Perbandaran Selayang
QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
REGISTRATION NO: QMS 01861

# buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
*MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG*
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI
SEP - DIS 2020
**03/20**



## PELANTIKAN TYDP MPS

# SELAMAT DATANG TUAN TYDP


**03** MPS Lancar Tema Perbandaran Lestari Bagi Tahun 2020


**12** Program Kebun Komuniti & *Edible Garden*


**15** Perintah Kawalan Pergerakan (aktiviti-aktiviti MPS)

# DARI MEJA YDP

BIL 3/2020 SEP - DIS
mpselayang

## SIDANG REDAKSI

**PENASIHAT**

**Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor**
ydp@mps.gov.my

**Tuan Haji Ir. Cheremi bin Haji Tarman**
tydp@mps.gov.my

**KETUA PENGARANG**
**En. Mohamad Zin B. Masoad**
mzin.masoad@mps.gov.my

**PENOLONG KETUA PENGARANG**
**En. Ahmad Fauzi B. Ishak**
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

**PENGARANG**
**Cik. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri**
nuratikahhanim.msakri@mps.gov.my
**Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri**
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
**Pn. Norhasliza Bt. Hassan**
norhasliza.hassan@mps.gov.my
**Pn. Noraswalziha Bt. Ibrahim**
noraswalziha.ibrahim@mps.gov.my
**Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman**
sitimaisarah.abrahman@mps.gov.my
**En. Elley Roulzee B. Ahmad Samsuddin**
elleyroulzee.asamsuddin@mps.gov.my

**PEREKA LETAK**
**En. Mohd Afzairis B. Naseri**
mafzairis.naseri@mps.gov.my
**En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman**
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

**JURUFOTO**
**Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan**
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
**En. Mohamad Khairun B. Roslan**
mkhairun.roslan@mps.gov.my

**DITERBITKAN OLEH**
**Jabatan Korporat**
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**Jabatan Korporat**
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

**No. Tel:** 03 6126 5800 **Fax:** 03 6138 2728
**E-mel**: aduanmps@mps.gov.my
**Tollfree:** 1800-222-677

**Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,**



Alhamdulillah, dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya terhasil Buletin Selayangku Sayang Bil.3/2020.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wacana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Syukur Alhamdulillah, kita dapat juga menghabiskan tahun 2020 ini dengan jayanya meskipun tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar buat kita semua dalam mengharungi penularan pandemik Covid-19. Sepanjang pandemik ini, MPS telah memainkan peranan yang amat penting sebagai frontliner yang bertugas sepanjang tahun 2020 dengan menjalankan aktiviti disenfeksi di kawasan tumpuan orang ramai dan bangunan kerajaan di kawasan pentadbiran MPS malah turut membuat pemantauan kawalan ke atas pengunjung dan juga para peniaga bagi membantu kerajaan dalam mencegah penularan wabak Covid-19.

Walaupun berhadapan dengan situasi pandemik, MPS tetap giat dalam usaha-usaha penguatkuasaan dengan membanteras isu-isu kilang haram, tapak sampah haram dan operasi bersama agensi-agensi kerajaan. Antara kejayaan MPS dalam aktiviti pemantauan *hotspot* sampah haram adalah apabila dapat mengenalpasti individu yang tidak bertanggungjawab menjalankan kegiatan berkenaan melalui pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) oleh MPS di kawasan *hotspot*.

Di samping itu, pelbagai lagi kejayaan telah kita raih bersama-sama pada tahun 2020 meskipun dalam norma baharu. Antara pencapaian manis yang kita bersama rangkul ialah kejayaan memperolehi pensijilan MPS ISO 9001:2015 dan mengekalkan pensijilan ISO/IEC27001:2013 dengan tiada sebarang teguran diberikan oleh SIRIM. MPS juga turut berjaya mengekalkan 5 bintang dengan markah sebanyak 95.20% bagi sistem penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan SPB-PBT (Star Rating) dan mendapat tempat ke-6 di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Di samping itu, MPS turut berjaya mendapat tempat kedua bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Kategori Pihak Berkuasa Tempatan serta dianugerahkan Anugerah *Sustainable Cities And Communities* daripada PLAN Malaysia Selangor bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2020.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada warga MPS yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapi oleh MPS. Saya berharap agar MPS sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah kepada seluruh warga MPS.

Sekian, Terima Kasih

**(YBRS.TUAN HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR)**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

# TYDP HARAP DAPAT KONGSI PENGALAMAN DAN BERI YANG TERBAIK KEPADA MPS

**TIMBALAN** Setiausaha MBSA, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai Timbalan Yang Dipertua (TYDP) MPS yang baharu.

Pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Dato' Dr. Juhari bin Ahmad yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Beliau telah melapor diri pada 16 Oktober 2020 lalu untuk memulakan tugas baharu tersebut.

Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan sebagai TYDP MPS telah disempurnakan pada 28 Oktober 2020 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Majlis ini telah disaksikan oleh Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan. Beliau kemudiannya berkesempatan melakukan sesi lawatan ke jabatan-jabatan di MPS bagi bersuai kenal dengan para pegawai dan kakitangan MPS.

Tuan Ir. Haji Cheremi yang sebelum ini telah menjawat jawatan sebagai Timbalan Setiausaha MBSA memiliki pengalaman hampir 30 tahun di MBSA sebelum ditugaskan ke MPS sebagai TYDP.










**Nama**
Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman

**Tempat/ Tarikh Lahir**
29 Mei 1964

**Kelulusan Akademik**
1. **Master of Business Administration,** University Selangor (UNISEL)
2. **Bachelor of Science in Civil Engineering,** Louisiana State University, USA

**Kerjaya**

1. **Timbalan Setiausaha**
   Majlis Bandaraya Shah Alam
   April 2019 - Mei 2021
2. **Pengarah Kejuruteraan**
   Majlis Bandaraya Shah Alam
   Julai 2013 - Mac 2019
3. **Pengarah Kejuruteraan**
   Majlis Bandaraya Petaling Jaya
   Jan 2010 – Jun 2013
4. **Pengarah Kejuruteraan**
   Majlis Bandaraya Shah Alam
   Jul 1996 – Dis 2009
5. **Jurutera**
   Majlis Bandaraya Shah Alam
   Nov 1988 – Jun 1996

# MAJLIS LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS BAHARU



**SERAMAI** lima orang muka baharu telah dilantik sebagai Ahli Majlis MPS bagi sesi 2020-2021.
Mereka terdiri daripada Tuan Muhammad Shamsuzzaman bin Mohd. Suhaimi, Zon 9, Pn. Hjh. Salasiah bte Hj. Desa, Zon 19, Pn. Ruhanah bt. Masruki, Zon 5, Tn. Ranjan bin Che' Ros, Zon 20 dan Tn Anuar bin Jasmin, Zon 4.
Barisan Ahli Majlis baharu ini telah menyempurnakan lafaz akuan terima jawatan masing-masing bersama-sama dengan Tuan TYDP yang baharu di hadapan Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.
Majlis telah berlangsung pada 16 Oktober 2020 yang lalu di Dewan Siantan, Bangunan Lama MPS.

## HARI INOVASI DAN INTEGRITI PERINGKAT MPS TAHUN 2020
# ‘ADAPTIF PENDIGITALAN KE ARAH KECEKAPAN PERKHIDMATAN’

**HARI** Inovasi dan Integriti peringkat MPS Tahun 2020 pada kali ini telah berlangsung pada 7 Disember 2020 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Sambutan ini juga turut disiarkan secara langsung kepada warga MPS melalui Facebook MPS selaras dengan pematuhan Standard Prosedur Operasi (SOP) bagi Tempoh Kawalan Pergerakan dan Perintah Bersyarat (PKPB). Sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS bertemakan ‘Adaptif Pendigitalan Ke Arah Kecekapan Perkhidmatan’ telah dipilih sebagai tema bersesuaian dengan langkah untuk mengadaptasikan norma baharu dalam pasca penularan wabak Covid-19 yang merupakan satu cabaran baharu dalam kehidupan seharian.

Pada majlis perasmian tersebut, turut berlangsung Pelancaran Sistem Guna Tanah Rancangan Tempatan (RTMPS) serta penyampaian anugerah dan pencapaian MPS iaitu penyampaian sijil penghargaan frontliner MPS, penyampaian Anugerah Reward YDP 2019, penyampaian Sijil ISO 90001 dan ISMS 27001, penyampaian Sijil Penarafan Bintang (Star Rating) dan penyampaian Sijil Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC).

Majlis yang telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPS ini turut dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua MPS serta para pengarah jabatan. Tuan YDP MPS dalam ucapannya berharap warga MPS dapat terus mempraktikkan kaedah-kaedah baharu dan memikirkan idea-idea terkini yang kreatif dan inovatif dengan merekayasakan teknologi maklumat dan digital.












## SISTEM GUNA TANAH RANCANGAN TEMPATAN (RTMPS)

**PEMBANGUNAN** Aplikasi Web Browser Gunatanah merupakan paparan Gunatanah Semasa 2019 yang melibatkan paparan Gunatanah Pengezonan RTMPS 2020, Pengubahan 1 RTMPS 2020, Pengubahan 2 RTMPS 2020, Pengubahan 3 RTMPS 2020, Pengubahan 4 RTMPS 2020 dan Pengubahan 5 RTMPS 2020.

Pembangunan sistem *Web Browser* juga boleh digunakan diatas *Web Mobile* bagi memudahkan semakan data bagi menyemak lokasi sebenar menggunakan peranti mudah alih yang mempunyai pengesan lokasi (*Geolocation*). Selain itu, ia juga mempunyai *‘Template’* Cetakan Pelan yang selaras untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pengurusan di kaunter.



## CERAMAH INTEGRITI
# MANTAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR KONGSI PENGALAMAN

**CERAMAH** Integriti pada tahun ini telahpun disampaikan oleh Mantan Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2012-2015 iaitu YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib dengan ceramah yang bertajuk *'Perkembangan Kerjaya dan Mengatasi Stress Dalam Tugas Yang Mencabar'.*

Semasa ceramah tersebut, YBhg Tan Sri Ahmad Phesal berkongsi tentang pengurusan stress yang berkesan berdasarkan pengalaman beliau ketika menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar DBKL.









## SAMBUTAN HARA BERSAMA SPRM
# PBT PERANGI PEMBERI RASUAH'



**SURUHANJAYA** Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia telah mengadakan satu program kerjasama bersama MPS bersempena meraikan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 pada 9 Disember 2020. Dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu *'PBT Perangi Pemberi Rasuah',* sambutan HARA memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif oleh pihak SPRM dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia bersama PBT di seluruh Malaysia.

Turut hadir sama ialah Tuan YDP, Tuan TYDP, Tuan KPKPJ Nazli Rasyid bin Haji Sulong, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, wakil Yayasan Anti Rasuah Malaysia, para pengarah MPS dan delegasi dari SPRM.

Pada majlis ini, telah diadakan tayangan video ucapan amanat oleh Datuk Seri Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Encik Ismadee Asmara Datuk Ishak, Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Selangor. Acara disusuli dengan bacaan Ikrar Janji Warga PBT oleh barisan pengurusan MPS dan sesi menandatangani Ikrar Janji Warga PBT oleh Tuan YDP. Majlis telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS.







SAMBUTAN HARI MALAYSIA

# PEBT MPS ANJUR PROGRAM HARGAI BARISAN HADAPAN DAN VETERAN ATM

**BERSEMPENA** Hari Malaysia, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS telah menganjurkan Program Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS di Dewan Seri Siantan, Batu Caves pada 16 September 2020 yang lalu.

Turut hadir, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Pa' Wan Teh Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Pegawai Daerah Gombak, Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS dan Encik Muhammad Akmal Bin Abdul Halim, Pengerusi Induk PeBT MPS.

Dalam majlis tersebut, YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut menyempurnakan pelancaran Generasi Biru Muda selain menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Veteren ATM Gombak, Negeri Selangor dan badan-badan NGO yang lain.

Selain majlis makan malam ini, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS juga telah mengadakan Program Jelajah Anak Muda COVID PeBT MPS (JAM PeBT MPS) ke beberapa agensi kerajaan iaitu di IPD Gombak, Hospital Selayang dan Balai Bomba Selayang bagi menyampaikan sumbangan keperluan asas kepada petugas barisan hadapan.







# PERTUKARAN NAMA JALAN BERJAYA 5 KE JALAN 1, TAMAN BERJAYA

**MPS** telah membuat pertukaran nama jalan melibatkan Jalan Berjaya 5, Taman Berjaya ke Jalan 1, Taman Berjaya bermula 1 Oktober 2020. Pertukaran ini melibatkan sebanyak 20 unit kediaman yang berada di sepanjang jalan tersebut bagi menyelesaikan masalah kekeliruan yang timbul antara Jalan Berjaya 5, Taman Berjaya dan Jalan Berjaya 5, Taman Gombak Tambahan sehingga menyebabkan kesulitan dan kesilapan terutama dari segi urusan surat menyurat dan juga penghantaran barang. Pertukaran ini dilaksanakan atas inisiatif Puan Anfaal Binti Saari, Ahli Majlis MPS Zon 3 mewakili penduduk kawasan tersebut.

Satu majlis ringkas telah diadakan pada 3 Oktober 2020 bagi memberi penerangan ringkas tentang pertukaran nama jalan dan juga pemasangan papan tanda nama jalan yang baru.

# KEMPEN DERMA DARAH ANJURAN AHLI MAJLIS ZON 24



**JAWATANKUASA** Penduduk (JKP) Zon 24 telah mengadakan Kempen Derma Darah bersama Pusat Darah Negara (PDN) di Balai Raya, Jalan 19 Desa Jaya pada 1 November 2020,

Program yang merupakan inisiatif daripada Tuan Fok Wai Mun, Ahli Majlis Zon 24 MPS diadakan bertujuan untuk membantu pihak Pusat Darah Negara menambah pembekalan darah di hospital-hospital di Sabah yang mana tidak mempunyai bekalan darah yang mencukupi. Sebanyak 80 pek darah telah berjaya dikumpulkan daripada masyarakat setempat.

BANTUAN COVID-19

# 50 ORANG PENGUSAHA VAN DAN BAS SEKOLAH TERIMA BANTUAN

**BAGI** meringankan beban para pengusaha van dan bas sekolah dalam menghadapi pandemik Covid-19, Pejabat Khidmat Ahli Majlis Zon 12 telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Santuni Pengusaha Van dan Bas Sekolah di Tapak Pasar Malam Selayang Utama pada 16 Disember 2020.

Sumbangan berupa barangan keperluan asas dan kad nilai Petronas bernilai RM50 telah berjaya diagihkan kepada 50 orang penerima dan telah disampaikan oleh Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12.



# BENGKEL PELAN STRATEGIK
# MPS RANCANG PELAN TINDAKAN 5 TAHUN

**DALAM** merangka Pembangunan Pelan Strategik MPS bagi tahun 2021 hingga 2025, satu taklimat khas telah diadakan khusus untuk pihak pengurusan MPS. Taklimat ini diadakan adalah sebagai langkah persediaan pihak pengurusan MPS melakukan perancangan strategik MPS bagi tempoh 5 tahun untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada seluruh masyarakat Selayang.

Turut serta dalam taklimat ini ialah Tuan Haji Shamsul Sharil Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Tuan Haji Azhar bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ketua-Ketua WHIP MPS, Ahli-Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS.





## AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015 DAN AUDIT PEMANTAUAN ISO/IEC 27001:2013 SIRIM QAS INTERNATIONAL

**AUDIT** Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dan Audit Pemantauan ISO/IEC 27001:2013 telah diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 2 hingga 4 November 2020. Pengauditan bagi kedua-dua sistem pengurusan ini telah diadakan secara kombinasi bagi membolehkan proses pengauditan dijalankan dengan lebih teratur, bersistematik dan dalam masa yang sama dapat mengoptimumkan penggunaan kewangan dan juga masa. Pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk memantau sistem-sistem pengurusan di MPS agar ianya berjalan dengan baik dan menepati piawaian standard yang telah ditetapkan.

Mesyuarat pembukaan audit telah diadakan pada 2 November 2020 dan dipengerusikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Wakil Pengurusan ISO, Pengurus Projek ISMS, Ketua Pengurusan Risiko MPS, Ketua Audit Dalam ISO dan ISMS, Ketua Dokumentasi ISO dan ISMS, Ketua-Ketua Skop Jabatan serta Urusetia Jabatan Korporat. Kaedah mesyuarat dan sesi audit diadakan secara atas talian (online) mengikut Standard Operating Procedure (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang berkuatkuasa.

Bagi pelaksanaan audit ISO 9001, seramai tiga orang auditor yang terlibat dan diketuai oleh Puan Wan Shahima binti Mior Ahmed Shahimi (K), Puan Nur Asma binti Abd. Wahab dan Encik Mohd Haminuddin bin Zainudin. Manakala auditor ISMS 27001 adalah seramai dua (2) orang iaitu Encik Azran bin Mohammad Ridzuan (K) dan Puan Rohazlin binti Md Yassin.






Secara keseluruhanya, MPS telah berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001 dan Pensijilan Pemantauan ISMS 27001 mengikut keperluan standard bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan perkhidmatan yang diberikan. Pada pensijilan kali ini terdapat dua laporan peluang untuk penambahbaikan (OFI) telah direkodkan untuk ISO 9001:2015 manakala bagi ISMS tiada sebarang teguran yang diterima. Mesyuarat Penutup Audit pada kali ini telah diadakan pada 4 November 2020 jam 4.30 petang.

# ANUGERAH

PENCAPAIAN 5 BINTANG

## MPS TERIMA PENGHARGAAN DARI ANULAE



**MPS** telah menerima pengiktirafan daripada ANULAE Semenanjung Malaysia atas Pencapaian 5 Bintang bagi Penilaian *Star Rating* SPB-PBT oleh KPKT dan keahlian teramai ANULAE untuk cawangan MPS.

Tuan YDP diiringi barisan Jawatankuasa ANULAE Cawangan MPS telah hadir menerima Sijil Penghargaan Anugerah yang disampaikan oleh Datuk Seri Abdul Ghafar bin Atan, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka mewakili Ketua Menteri Melaka .

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT CEMERLANG (APPC)

## MPS RANGKUL TEMPAT KEDUA KATEGORI PBT

**MAJLIS** Perbandaran Selayang telah memenangi tempat kedua bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2020.

Majlis penyampaian yang diadakan di Foyer, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) pada 15 Disember 2020 ini telah dihadiri oleh Tuan YDP, TYDP dan Pengarah Jabatan Korporat. Kejayaan ini membolehkan MPS membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM10,000 berserta sijil pengiktirafan dan trofi.




LAWATAN DBKL KE MPS

## KONGSI PELAKSANAAN MBJ

**MPS** berbesar hati menerima kunjungan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 11 September 2020 . Lawatan ini melibatkan seramai 6 orang wakil dari Jabatan Audit Dalam DBKL yang diketuai oleh Puan Nor Azlina Binti Mohd Saad, Pengarah Jabatan Audit Dalam dan telah disambut oleh Puan Mazurah Binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, MPS. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan input serta penerangan perlaksanaaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di MPS dari segi *term of reference*, fungsi, struktur komposisi dan lain-lain perkara.







## MESYUARAT AGUNG ANULAE KALI KE-3

**PADA** 15 Disember 2021 bertempat di Dewan Keraian Menara MPS, ANULAE Cawangan MPS telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-3 bagi sesi 2020-2023. Mesyuarat yang diadakan secara dalam talian ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Azih Bin Muda, Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia selaku Mantan Presiden CEUPACS. Turut diadakan pemilihan 25 orang ahli jawatankuasa baharu bagi sesi 2020-2023. Seramai 65 orang ahli telah berkesempatan menghadiri mesyuarat ini.



## TAKLIMAT BANCI
# BERI KEFAHAMAN KEPADA PETUGAS BANCI 2020

**BAGI** memastikan para pembanci memahami pelaksanaan banci di kawasan masing-masing, Sesi Taklimat Pembanci bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 bagi Daerah Gombak telah diadakan di beberapa lokasi di sekitar Gombak, Selayang, Rawang dan Kundang bermula pada 1 Oktober 2020 hingga 4 Oktober 2020.

Taklimat banci ini telah disampaikan oleh penguasa-penguasa daerah kepada 1,361 orang pembanci dengan menerangkan garis panduan dan tatacara untuk banci dijalankan. Pada taklimat ini, Tuan YDP MPS juga turut membuat kunjungan ke semua lokasi taklimat dan menyampaikan amanat kepada semua pembanci untuk mengekalkan komitmen serta telus dalam mendapatkan data dan sentiasa mengamalkan kebersihan diri serta memakai pelitup muka ketika menjalankan tugas.

Program Taklimat Banci ini diteruskan dengan Taklimat Pelaksanan Banci dan pengenalan Sistem e-Census 2020 bersama Ahli Majlis dan wakil Penggerak Belia Tempatan (PeBT) pada 10 September 2020 di Dewan Keraian, MPS disusuli taklimat bersama wakil-wakil dari Skim Pemajuan Strata (JMB/MC) dari seluruh Selayang pada 17 September 2020. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Frankie Albert Anak Antau, Ketua Operasi, Pejabat Operasi Gombak.





## MAJLIS PELANCARAN APLIKASI E-LESEN
# PERMUDAH PERMOHONAN LESEN DAN PERMIT BARU

**PADA** 30 September 2020, bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS, Majlis Pelancaran Aplikasi eLesen telah diadakan dan dirasmikan oleh Tuan YDP MPS. Aplikasi eLesen ini adalah untuk memudahkan orang ramai bagi urusan permohonan baharu lesen dan permit menerusi laman web rasmi MPS.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Puan Salmi Nadia binti Mohd Hilmey, Pengarah Eksekutif Inter-city MPC (M) Sdn Bhd yang merupakan syarikat yang membangunkan aplikasi eLesen ini. MPS berharap sistem eLesen ini akan memudahkan pemohon kerana tidak lagi perlu hadir ke pejabat MPS untuk urusan permohonan lesen dan permit.




## TAKLIMAT OLEH AKPK
# BERI KESEDARAN TENTANG PENGURUSAN KEWANGAN

**BAGI** memberi kesedaran kepentingan perancangan kewangan yang stabil dan meningkatkan pengetahuan asas kakitangan berkiatan pengukuhan kedudukan akaun, Unit Integriti MPS telah mengadakan Taklimat Pengurusan Kewangan Secara Efektif dan Efisien bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di Dewan Al-Baghdadi. RHR Hotel pada 12 Oktober 2020.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Noor Aziera Ezurien bt A Aziz, pegawai kanan Unit Koloborasi Jabatan Pendidikan Kewangan AKPK kepada 37 orang kakitangan MPS.












KEMPEN DAFTAR BAYAR DAN MENANG TAKSIRAN 2021

## MPS TAWAR HADIAH LUMAYAN GALAK PEMBAYAR CUKAI BERTUKAR KE BIL DIGITAL

**MAJLIS** Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan majlis cabutan bertuah untuk pemegang harta yang telah mendaftar dan mengemaskini maklumat bagi menerima bil digital cukai taksiran MPS. Pertukaran kepada bil digital cukai taksiran ini menghentikan sepenuhnya cetakan bil kertas secara pos bermula tahun 2021 selaras dengan usaha MPS untuk menyokong aspirasi kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah *Smart State* selain memudahkan urusan orang ramai.

Bagi memastikan pemilik harta mengemaskini maklumat untuk penerimaan bil digital ini, MPS juga telah melancarkan program cabutan bertuah di mana pemegang cukai yang mendaftar dan mengemaskini maklumat di *digitalbil.mps.gov.my* layak untuk menyertai cabutan bertuah yang diadakan.

Pada sesi cabutan ini,18 orang pemenang pra cabutan bertuah MPS yang diadakan semasa Majlis Pelancaran Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021 dan Pelancaran Aplikasi MyMPS. Kesemua pemenang ini akan menerima 18 buah telefon pintar. Sesi cabutan bertuah ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua di Dewan Keraian, MPS pada 21 Disember 2020.














# MYMPS - SEMAKAN DAN TERIMAAN BIL CUKAI TAKSIRAN KINI LEBIH MUDAH

**PELANCARAN** Aplikasi MYMPS adalah untuk memudahkan pemilik harta membuat pendaftaran, menyemak dan membuat pembayaran secara atas talian. Pembangunan aplikasi ini juga selaras dengan usaha MPS melestarikan alam sekitar, dimana mulai tahun 2021 penghantaran bil kertas akan dihentikan dan semua pemegang harta MPS akan menerima bil pegangan masing-masing melalui sistem MYMPS, sistem pesanan ringkas (SMS) dan emel.

Justeru, bagi memastikan pemilik harta menerima bil cukai taksiran, pemilik diminta untuk mengemaskini maklumat terkini seperti nombor telefon dan alamat emel dengan mengimbas kod QR yang telah dicetak di bil penggal 2/2020 atau dengan melayari laman web MPS di www.mps.gov.my




Imbas kod QR ini untuk mengemaskini maklumat anda di bildgital.mps.

## PROGRAM SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA
# SUNGAI SEPAKAT TERPILIH SEBAGAI FRIEND OF RIVER (FoR)

**PROGRAM** Sambutan Hari Sungai Sedunia telah diadakan pada 26 September 2020 di mana Sungai Sepakat telah dipilih oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebagai *Friend of River* (FoR). Pada program berkenaan, majlis penyerahan sijil perakuan FoR dan *Water Monitoring Kit* telah disampaikan kepada Pengerusi MPKK Kg.Melayu Batu 16 oleh Tuan YDP MPS. Program yang berkonsepkan gotong-royong secara mingguan ini adalah aktiviti konservasi bagi memastikan kawasan sekitar sungai terjaga dan bersih.

Program anjuran LUAS bersama MPS ini telah diadakan di Dewan Komuniti Kg Melayu Batu 16, Rawang. Turut hadir ialah YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan, ADUN Taman Templer, Tuan YDP MPS, Penolong Setiausaha MPS, Tuan Ir. Haji Adnan bin Ahmad, Pengerusi MPKK Kg Melayu Batu 16 dan wakil-wakil agensi kerajaan yang lain.

Program yang diadakan serentak di 30 buah lokasi ini diadakan secara dalam talian dengan dirasmikan oleh YB Tuan Ir. Izham Bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani.






## PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH
# 200 PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN TERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN

**MPS** telah menyampaikan baucer sumbangan bantuan persekolahan kepada 200 orang anak-anak yatim, golongan asnaf dan anak-anak daripada golongan B40 dalam Program Ceria Kembali ke Sekolah pada 10 Disember 2020. Pada program tersebut, Tuan YDP telah berkesempatan menyerahkan baucer kepada YDP Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur (PAKEAS), Bandar Tasik Puteri serta anak-anak di pertubuhan tersebut.

Selesainya acara penyerahan di PAKEAS, MPS meneruskan sesi penyerahan baucer sumbangan kepada anak-anak yatim di empat buah rumah kebajikan di sekitar kawasan pentabiran Selayang oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS manakala penyerahan sumbangan di Lobi MPS pula melibatkan wakil-wakil penerima daripada sekolah yang berhampiran.







# TERIMA KASIH BARISAN HADAPAN

## BERSAMA KITA PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19









مجليس ڤربندارن سلايڠ

Majlis Perbandaran Selayang





MPS MENYANTUNI PETUGAS BARISAN HADAPAN DI GOMBAK

# PROGRAM BANTUAN KHAS KEPADA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM), ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) DAN RELA

**SEBAGAI** tanda keprihatinan MPS kepada petugas barisan hadapan yang bertugas di Sekatan Jalan Raya (SJR) Tol Gombak dan Rawang, MPS telah menghulurkan sumbangan di dalam Program Bantuan Khas kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan RELA pada 5 November 2020 yang lalu.

Majlis penyerahan bantuan yang telah diadakan di SJR Tol Gombak ini telah disempurnakan oleh Tuan YDP MPS dan disampaikan kepada YBhg. Brigidier Jeneral Tuan Norsham bin Mat Tap, Panglima 11 Briged Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan YDH Assisten Komisioner Tuan Arifai Tarawe, Ketua Polis Gombak. Antara barang sumbangan yang disampaikan ialah pemanas air elektrik, lampu kecemasan serbaguna, makanan kering oleh Sri Ternak Foodmart dan makanan tengah hari dari Restoran Ayam Penyet Surabaya.

Turut hadir sama ialah Tuan TYDP MPS, YBhg. Dato' Raymond Ho Cheng Hann, *Group Chief Executive Officer*, Sri Ternak Food Mart, YBrs. Tuan Haji Mohd Bilal Abdullah, Pengarah Urusan Wang Solo Gombak Sdn Bhd, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS serta ketua-ketua balai polis Gombak, Selayang dan Rawang.













# KSDK MPS AGIH PELITUP MUKA KEPADA KAKITANGAN MPS



**SESI** Penyerahan pelitup muka daripada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS kepada semua kakitangan telah di sampaikan oleh Encik Mohd Zikry Zulkifle, YDP KSDK kepada Tuan YDP MPS. Penyerahan pelitup muka yang boleh di cuci ini adalah sebagai tanda keprihatinan pihak KSDK terhadap kesihatan dan keselamatan kakitangan di samping membantu mengurangkan beban dengan menyediakan pelitup muka pakai buang di sepanjang tempoh pandemik ini.

# PERODUA SERAH 1,000 FACEMASK BANTU BARISAN HADAPAN MPS

**SEBANYAK** 1,000 unit pelindung muka (*face shield*) telah disumbangkan kepada petugas barisan hadapan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) oleh Perodua Malaysia sebagai tanda keprihatinan pihak Perodua terhadap kesihatan dan keselamatan kakitangan MPS di kala pandemik Covid-19 melanda negara.

Pelindung muka bercirikan boleh laras itu disampaikan oleh Puan Norazlinda, wakil Perodua kepada Encik Hairudin bin Daud, Pengarah Jabatan Pelesenan dalam satu majlis ringkas di perkarangan lobi bangunan lama MPS.





Roboh Kilang Haram Operasi Bersepadu

hbali - 1 December 2020



daripada kontena dirobohkan ketika Operasi Bersepadu Perbandaran Selayang (MPS) bagi pembangunan tanpa an di atas tanah rizab Lembangan Sungai Selangor di SB chnic, Rawang. foto AFIQ HAMBALI, 01 DISEMBER 2020

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

**GOMBAK** – Sebanyak lapan premis di sekitar Kampung Dato Lee Kim Sai di pinggir Sungai Rawang di sini diroboh bagi mengelakkan pencemaran air berulang.

*Premis itu melibatkan enam bengkel jentera berat dan dua kilang kitar semula, semuanya atas kesalahan menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran.*

Dato' Menteri Besar menjelaskan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) serta Pejabat Daerah dan Tanah Gombak diarah meroboh struktur haram berkenaan.

"Kita robohkan dua struktur iaitu bengkel menyimpan dan membaiki jentera berat (pada 24 November). Baki enam premis lagi diroboh dalam tempoh seminggu atau dua minggu," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Selepas mendengar taklimat MPS sebelum tindakan itu, beliau juga berkata tindakan meroboh premis haram di tebing sungai dilakukan di daerah lain secara berperingkat-peringkat.

"Kita mulakan operasi meroboh di Selayang dan Rawang dahulu sebab banyak kes pencemaran sungai berpunca dari lokasi ini. Selepas ini kita laksana operasi di tempat lain pula," katanya.

Tindakan tersebut antara usaha Kerajaan Negeri bagi memelihara sumber air mentah daripada tercemar sekali gus mengelakkan gangguan bekalan air.

Baru-baru ini, Kerajaan Negeri meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 yang mempe- untuk hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori dan denda maksimum RM1 juta.

Enakmen itu akan berkuat kuasa dalam tempoh sebulan selepas mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Pada 23 November lalu, dua lelaki dituduh melakukan

*Majlis Perbandaran Selayang merobohkan stor simpanan jentera berat yang dibina atas tanah kerajaan tanpa kebenaran di Kampung Dato Lee Kim Sai, Rawang pada 24 November. Perobohan premis di pinggir Sungai Rawang bertujuan mengelakkan kemungkinan pencemaran air. Foto Fikri Yusof*

Lebih RM22 juta naik taraf 740 s

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri me- nengah persendirian Cina (RM2 juta). dapat dana antara

n excavator being used to tear down the illegal heavy machinery workshop near the Sungai Garing riverbank in awang. – Photos: SIA HONG KIAU/The Star

MPS enforcement officers confiscating equipment fro workshop during the joint operation.

y SHALINI RAVINDRAN
haliniravindran@thestar.com.my

**New sites for heavy machinery workshops**

S'gor govt to identify suitable locations for businesses on st

ELANGOR government will identify uitable sites to relocate businesses legally operating on state land.

The exercise will start with those under he jurisdiction of Selayang Municipal ouncil (MPS).

State local government, public transport nd new village development committee hairman Ng Sze Han said there were umerous high-risk businesses, such as eavy machinery workshops, many of hich are located near rivers.

"There is a need for us to look for an ndustrial site more suitable for these types f businesses.

"However, we would have to discuss otential sites with developers as there are few large industrial estates being planned

on state land," Ng said, during a demolition of an illegal workshop in Selayang yesterday.

During the operation, a heavy machinery workshop that had been operating illegally for over 10 years by the Sungai Garing riv-

Two other workshops were demolished during a similar operation last week.

Ng urged the public to report such illegal businesses to the land office and local councils.

Led by PDT, the operation included

odour pollution were trac Rawang and Sungai Gong supply disruptions affecti account holders in the Kl

Four water treatment p Selangor Phases 1, 2, 3 an

LAPORAN KHAS

# KILANG TANPA KEBENARAN

| TAKLIMAT OPERASI OLEH YANG DIPERTUA BERSAMA MENTERI BESAR SELANGOR DAN PEGAWAI TERLIBAT (ISS 296 & ISS 297) | |
|---|---|
| Tarikh | 24 November 2020 |
| Hari | Selasa |
| Tempat | BilikSiantan |
| Penglibatan Anggota | **130 anggota dari pelbagai Jabatan/Agensi**<br><br>Pejabat Daerah & Tanah Gombak<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak<br>Jabatan AlamSekitar Negeri Selangor<br>Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Gombak<br>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)<br>Tenaga Nasional Berhad (TNB)<br>Jabatan Perancang Bandar, MPS<br>Jabatan Bangunan, MPS<br>Jabatan Kejuruteraan MPS<br>Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS<br>Jabatan Korporat MPS<br>Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS<br>Jabatan Undang-Undang, MPS<br>Jabatan Perbendaharaan, MPS |
| Kekuatan Jentera | 2 Excavator<br>4 backhoe loader |
| Tindakan | Perobohan dilaksanakan dibawah kesalahan Pendudukan Tanpa Kebenaran Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 |



| OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (ISS 389) | |
|---|---|
| Tarikh | 1 Disember 2020 |
| Hari | Selasa |
| Tempat | Lobi Menara MPS (Berkumpul) |
| Penglibatan Anggota | **70 anggota dari pelbagai Jabatan/Agensi**<br><br>Pejabat Daerah & Tanah Gombak<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak<br>JabatanAlamSekitarNegeriSelangor<br>Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Gombak<br>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)<br>Tenaga Nasional Berhad (TNB)<br>Jabatan Perancang Bandar, MPS<br>Jabatan Bangunan, MPS<br>Jabatan Kejuruteraan MPS<br>Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS<br>Jabatan Korporat MPS<br>Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS<br>Jabatan Undang-Undang, MPS<br>Jabatan Perbendaharaan, MPS |
| Kekuatan Jentera | 1 Excavator<br>1 backhoe loader<br>1 Trailer truck |
| Tindakan | Perobohan dilaksanakan dibawah kesalahan Pendudukan Tanpa Kebenaran Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 |

# OPERASI BERSEPADU PEMBA

| Bil | Kod |
|---|---|
| 1 | ISS 245 a |
| 2 | ISS 245 b |
| 3 | ISS 296 |
| 4 | ISS 297 |
| 5 | ISS 2[illegible] |
| 6 | ISS 57 |
| 7 | ISS 389 |




| TAKLIMAT OPERASI OLEH YANG DIPERTUA BERSAMA MENTERI BESAR SELANGOR DAN PEGAWAI TERLIBAT (ISS 281 & 57) | |
|---|---|
| Tarikh | 8 Disember 2020 |
| Hari | Selasa |
| Tempat | Lobi Menara MPS (Berkumpul) |
| Penglibatan Anggota | **124 anggota dari pelbagai Jabatan/Agensi**<br>Pejabat Daerah & Tanah Gombak<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak<br>Jabatan AlamSekitar Negeri Selangor<br>Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Gombak<br>Lembaga UrusAir Selangor (LUAS)<br>Tenaga Nasional Berhad (TNB)<br>Jabatan Perancang Bandar, MPS<br>Jabatan Bangunan, MPS<br>Jabatan KejuruteraanMPS<br>Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS<br>Jabatan Korporat MPS<br>Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS<br>Jabatan Undang-Undang, MPS<br>Jabatan Perbendaharaan, MPS |
| Kekuatan Jentera | 2 Excavator<br>1 Unit Lori Penguatkuasa<br>2 Unit Lori Unit Haiwan |
| Tindakan | Perobohan dilaksanakan dibawah kesalahan Pendudukan Tanpa Kebenaran Di BawahSeksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. |

| TAKLIMAT OPERASI OLEH YANG DIPERTUA BERSAMA MENTERI BESAR SELANGOR DAN PEGAWAI TERLIBAT | |
|---|---|
| Tarikh | 10 Disember 2020 |
| Hari | Khamis |
| Tempat | Lobi Menara MPS (Berkumpul) |
| PenglibatanAnggota | **96 anggota dari pelbagai Jabatan/Agensi**<br>Pejabat Daerah & Tanah Gombak<br>Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak<br>Jabatan Alam Sekitar Neger iSelangor<br>Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Gombak<br>Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)<br>Tenaga Nasional Berhad (TNB)<br>Jabatan Perancang Bandar, MPS<br>Jabatan Bangunan, MPS<br>Jabatan Kejuruteraan MPS<br>Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS<br>Jabatan Korporat MPS<br>Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS<br>Jabatan Undang-Undang, MPS<br>Jabatan Perbendaharaan, MPS |
| Kekuatan Jentera | 2 Unit Jentera Berantai (escavator)<br>2 Lori RORO MPS<br>1 Backhoe MPS<br>1 Lori Skylift TNB<br>1 Lori TNB |
| Tindakan | Perobohan dilaksanakan dibawah kesalahan Pendudukan Tanpa Kebenaran Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. |

# NGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

## LAPORAN OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN KG DATO LEE KIM SAI (ISS_296, ISS_297) - 24 NOVEMBER 2021









## LAPORAN OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN RAWANG MEMORIAL PARK - (ISS_389) 1 DISEMBER 2020









## LAPORAN OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN DESA KUALA GARING (ISS_281 & 57) - 8 DISEMBER 2020














## OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN DI KAWASAN BATU 17 RAWANG (ISS_245 (A) & ISS_245 (B)) 10 DISEMBER 2020















ISU PECEMARAN SG GONG

# PENYERAHAN NOTIS DAN PEMERIKSAAN KILANG DI SEKITAR KAWASAN SUNGAI GONG RAWANG

**MPS** bersama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PTDG) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan operasi pemeriksaan ke atas kilang di kawasan sekitar Sungai Gong, Rawang yang disyaki menjadi punca kepada kes pencemaran air yang berlaku pada 11 November 2020. Semasa pemeriksaan, pihak PTDG telah menyerahkan Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) atas kesalahan melanggar syarat guna tanah. MPS juga telah mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat Lesen Premis Perniagaan MPS 2020 ke atas 5 buah kilang dimana 4 kilang telah dikenakan tindakan ditarik lesen semula kerana menjalankan aktiviti tambahan tanpa kebenaran dan 1 pejabat urusan perniagaan telah didapati beroperasi tanpa lesen. Kesemua tindakan dibuat dibawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri (MPS) 2007.

Pada operasi yang sama, pihak MPS telah ke kilang penyelenggaraan jentera di kawasan sama yang disyaki menjadi punca pencemaran air di kawasan tersebut untuk penyerahan notis dibawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan membina bangunan tanpa kebenaran.







PENGUATKUASAAN

# PEROBOHON PONDOK SEMBAH TANPA KEBENARAN





**MPS** pada 27 Oktober 2021 telah melaksanakan satu operasi bersepadu merobohkan dua pondok sembah yang didapati dibina di kawasan awam tanpa kebenaran. Pondok-pondok sembah yang diroboh ini melibatkan satu lokasi Taman Bukit Rawang. Tindakan perobohan ini dibuat selepas MPS menerima aduan tentang pondok sembah tersebut yang dibina di tempat awam sehingga menimbulkan kacau ganggu. Tindakan perobohan ini dibuat selaras dengan Seksyen 46 (1) a - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Taman Bukit Rawang.

# CCTV MPS PANTAU INDIVIDU YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB MELAKUKAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

**MPS** mendapati masih terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai kesedaran sivik dengan membuang sampah secara haram di Pasar Seri Gombak. Hasil dari bukti rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang diletakkan di kawasan Hotspot pembuangan sampah secara haram, sebanyak 5 kompaun telah dikeluarkan pada 28 Ogos yang lalu. Melalui CCTV yang dipasang, MPS telah dapat mengenal pasti nombor pendaftaran kenderaan dan membuat semakan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengesan pemilik kenderaan yang melakukan kesalahan tersebut.

Pihak MPS juga telah datang sendiri ke kediaman pesalah dan mengenakan kompaun sebanyak RM1,000 kepada individu terbabit di bawah Seskyen 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPS) 2007. Untuk rekod, ini merupakan kali kedua MPS mengambil tindakan terhadap individu yang membuat pembuangan sampah haram di kawasan tersebut.Pada 19 Februari yang lalu, satu kompaun sebanyak RM1,000 telah dikeluarkan kepada sebuah pemilik lori yang dikesan melalui rakaman CCTV di kawasan itu. Pelaksanaan pemasangan CCTV di beberapa kawasan yang dikenal pasti sebagai hotspot pembuangan sampah haram di sekitar Selayang ini merupakan inisiatif MPS bagi membendung kegiatan pembuangan sampah haram yang terus berleluasa.



ISU PENCEMARAN SG KUNDANG

## KILANG DI KUNDANG BUANG SISA BAHAN BIODIESEL CEMAR SG.KUNDANG

**MPS** bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menjalankan operasi pemantauan ke atas sebuah kilang yang tidak bertanggungjawab melepaskan sisa minyak sawit (bahan biodiesel) ke longkang awam sehingga menyebabkan sisa tersebut menuju ke Sungai Kundang.

Pihak LUAS telah mengeluarkan surat arahan di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 kepada premis terbabit untuk menghentikan discaj efluen serta merta dan melaksanakan tindakan pembersihan segara. Selaras dengan tindakan LUAS, MPS juga turut mengeluarkan notis kacau ganggu (Seksyen 82), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) premis tersebut untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan sisa minyak yang bertakung di aliran yang menuju ke Sungai Kundang.






## MPS SITA 3 BUAH JENTERA SEKITAR SG PUSU, GOMBAK

**SEBANYAK** 3 buah jentera telah disita dalam satu operasi pemantauan hotspot tapak sampah haram yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 14 November 2020 yang lalu. Jentera-jentera ini disyaki digunakan untuk meratakan kawasan dan kemudiannya dijadikan sebagai tapak pembuangan sampah haram. Pada operasi di Rumpun Buana Sungai Pusu, Gombak, MPS telah menyita sebuah jentera penggali dan sebuah jentolak di tapak pembuangan sampah haram manakala di lokasi kedua iaitu di sebelah Petronas MRR2 menuju Lebuhraya Karak, MPS telah menyita sebuah backhoe yang sedang membuat kerja tanah tanpa kelulusan. Kesemua tindakan diambil atas kesalahan Seksyen 70A(1) Akta jalan Parit dan Bangunan 1974. Operasi yang tamat pada jam 5.00 petang ini disertai seramai 7 orang anggota penguatkuasa MPS, 3 orang kakitangan daripada Jabatan Kejuruteraan, 2 orang kakitangan daripada Jabatan Perancang Bandar, 3 orang kakitangan daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan 10 orang anggota penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. MPS memandang serius isu kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan pentadbiran Selayang dan akan terus melaksanakan pemantauan di semua hotspot. MPS juga turut menyeru semua pihak untuk melupuskan sampah di kawasan yang dibenarkan sahaja.





# Lensa COVID-19 MPS




**MPS MENYANTUNI PETUGAS BARISAN HADAPAN**
5 NOVEMBER 2020











**PERODUA SUMBANG SATU RIBU UNIT PELINDUNG MUKA KEPADA FRONTLINER MPS**
24 DISEMBER 2020



**PEMBERSIHAN DINFEKSI BERKALA DI PEJABAT**









**PEMANTAUAN OLEH ANGGOTA PENGUATKUASA MPS KE ATAS PENJAJA & PEMATUHAN SOP PKPB**
25 JUN 2020





# SIMPOSIUM EKSPEDISI SAINTIFIK BATU CAVES

***BATU CAVES SCIENTIFIC EXPEDITION SYMPOSIUM***

&

# PELANCARAN BUKU *GUIDEBOOK* BATU CAVES 2020

26 SEPTEMBER 2020 | 8:00 PAGI - 5:00 PETANG
PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR DAERAH GOMBAK, BANDAR BARU SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang telah melancarkan buku bertajuk Batu Caves: Malaysia's Majestic Limestone Icon yang akan diserahkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sebagai rujukan. Buku ini merupakan hasil kajian dan tulisan ahli Persatuan Pemuliharaan Gua dan Kars Malaysia yang diketuai Dr Ruth Kiew, Dr Ros Fatihah dan Dr Atiqah Buku mengandungi penerangan dan maklumat saintifik kepelbagaian biodiversiti serta spesis flora dan fauna di kawasan tersebut. Pelancaran ini yang disempurnakan oleh Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang diadakan di Program Simposium Ekspedesi Saitifik Batu Caves yang diadakan pada 26 September 2020 di Perpustakaan Awam Negeri Selangor Cawangan Gombak.

Simposium ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran umum melalui perkongsian hasil kajian ekspedisi daripada pelbagai bidang bagi usaha pemuliharaan biodiversiti di Batu Caves. Dr Ruth Kiew, Felo FRIM yang merupakan ketua ekspedisi telah berkongsi latar belakang ekspedisi yang dijalankan mulai Januari sehingga Disember 2019. Beliau juga menyampaikan pembentangan bertajuk, *'The Changing Flora of Batu Caves – 1890 to 2020'*. Sejumlah 13 pembentangan pelbagai topik disampaikan oleh para penyelidik dari FRIM , Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM, University of Malaya (UM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS). Pada Simposium ini turut berlangsung satu sesi forum khas yang bertajuk "Future of Batu Caves yang menampilkan 3 orang panel iaitu Profesor Dr, Mohd Shafeea Leman dari Langkawi Research Centre, Profesor Madya Dr. Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Encik Haider Kamaruddin, Pengarah Urusan Cave Management Group.

Seramai 40 peserta telah menghadiri simposium ini dan sebagai langkah pembudayaan norma baharu, sesi pembentangan juga turut diadakan secara dalam talian.

مجليس ڤربندارن سلاڠ
Majlis Perbandaran Selayang



# JOM TUKAR KEPADA BIL DIGITAL

Tiada Cetakan dan Penghantaran Bil Kertas Bermula

## TAHUN 2021

Imbas untuk kemaskini maklumat



## Apa perlu anda buat?

### 1 KEMASKINI

**IMBAS QR KOD** di bil yang anda terima bersama notis ini atau layari **digitalbil.mps.gov.my** untuk kemaskini profil peribadi dan e-mel anda.

### 2 CABUTAN BERTUAH

**KEMASKINI SEBELUM 31 OKTOBER 2020** untuk memenangi hadiah menarik dalam ***cabutan bertuah** yang akan diadakan.

### 3 BANTUAN

**HUBUNGI** Jabatan Perbendaharaan (Bahagian Hasil) di 03-6126 5800 untuk pertanyaan atau bantuan pendaftaran.

* Tarikh cabutan dan hadiah cabutan bertuah akan dimaklumkan kemudian. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut berkaitan penamatan cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran MPS melalui pos.